WEE CHOO KEONG

lwn.

**Y.A. DATO' AHMAD FAIRUZ BIN SHEIKH ABDUL HALIM
(HAKIM PILIHANRAYA) & 2 LAGI**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATUK WIRA HJ. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD H
[USUL PEMULA R1-25-127-95]
28 SEPTEMBER 1995

UNDANG-UNDANG PILIHANRAYA: *Certiorari - Permohonan untuk membatalkan keputusan Hakim Pilihanraya - Permintaan untuk pengemukaan soalan undang-undang yang membabitkan isu perlembagaan ke Mahkamah Persekutuan - Samada Fasal 118 Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan certiorari dikeluarkan bagi membatal keputusan seseorang Hakim Pilihanraya - Samada keputusan Hakim Pilihanraya muktamad.*

AMALAN & PROSEDUR: *Certiorari - Permohonan untuk membatalkan keputusan Hakim Pilihanraya - Kewujudan keputusan Mahkamah Agung yang menolak permohonan yang sama dalam kes lain - Samada Mahkamah Agung lebih rendah tarafnya daripada Mahkamah Persekutuan - Samada prinsip stare decisis terpakai.*

[English *Translation of Catchwords]*

ELECTION LAW: *Certiorari - Application to quash decision of Election Judge - Request to refer question of law involving constitutional issue to Federal Court - Whether Art. 118 of the Federal Constitution bars certiorari from being issued to quash the decision of an Election Judge - Whether decision of Election Judge final.*

PRACTICE & PROCEDURE: *Certiorari - Application to quash decision of election Judge - Existence of a decision by the Supreme Court dismissing similar application in another case - Whether the Supreme Court inferior to the Federal Court - Whether the principle of stare decisis is applicable.*

Pemohon telah memfailkan permohonan *ex parte* untuk *certiorari* bagi membatalkan keputusan Hakim Pilihanraya yang diberi pada 2 Ogos 1995. Pada hari perbicaraan, pemohon telah meminta Mahkamah mengemukakan satu soalan undang-undang ke Mahkamah Persekutuan di bawah s. 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang dikatakan membabit satu peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu; samada peruntukan Fasal 118 Perlembagaan Persekutuan tidak membenar *certiorari* dikeluarkan bagi membatal keputusan seseorang Hakim Pilihanraya.

Peguam pihak pemohon mengemukakan alasan-alasan berikut:

(i) Keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Ignatius Stephen Malanjum lwn. Election Judge Sabah & Anor.* (Rayuan Sivil No. 03-42-89 yang memutuskan *certiorari* tidak boleh dikeluarkan untuk membatalkan keputusan seseorang Hakim Pilihanraya adalah tidak mencukupi bagi menjawab secara muktamad soalan undang-undang yang dikemukakan kerana keputusan itu dibuat semasa terdapat sistem 2 tingkat, iaitu Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung manakala sekarang sistemnya 3 tingkat; bermakna Mahkamah Agung dahulu adalah lebih rendah dari Mahkamah Persekutuan sekarang;

(ii) Penghakiman bertulis yang mendalam tidak diberi oleh Mahkamah Agung;

(iii) Demi kepentingan orang awam soalan undang-undang itu patut dirujuk ke Mahkamah Persekutuan kerana keputusan itu mengakibatkan Mahkamah telah melantik seorang Wakil Rakyat yang tidak dipilih oleh pengundi-pengundi berkenaan dan sekiranya keputusan seorang Hakim Pilihanraya tidak boleh dipersoalkan, keadaan huru-hara dan anarki akan timbul. Lagipun, keputusan tersebut bercanggah dengan prinsip demokrasi berparlimen.

Diputuskan:

[1] Memandangkan bentuk permohonan utama untuk kebenaran bagi permohonan *certiorari*, soalan itu tidak membabitkan sebarang isu perlembagaan. Fasal 118 cuma memperuntukkan bahawa sesuatu keputusan Pilihanraya boleh dipersoalkan hanya melalui petisyen pilihanraya menurut s. 36 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954 yang perlu dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Fasal itu tidak memperuntukkan bahawa keputusan itu adalah muktamad. Lagipun permohonan itu hanya membabitkan A. 53 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[2] Walaupun sistem mengenai peringkat itu sudah berubah, Mahkamah Agung itu adalah setaraf dengan Mahkamah Persekutuan yang ada sekarang kerana masing-masing merupakan Mahkamah tertinggi sekali dalam negara ini. Oleh itu, atas prinsip 'stare decisis' keputusan Mahkamah Agung itu mengikat Mahkamah ini.

[3] Dengan adanya 'checks and balances' dalam undang-undang dan dengan menggunakan 'common sense' oleh semua pihak yang bertanggungjawab, kemungkinan timbulnya keadaan huru-hara dan anarki dan keputusan itu mempunyai unsur diktator tidak boleh diterima.

[4] Pengataan yang keputusan itu bercanggah dengan prinsip demokrasi berparlimen, adalah lebih baik dibiarkan kepada kebijaksanaan Parlimen.

[Permohonan untuk rujukan soalan undang-undang ditolak. Permohonan utama untuk kebenaran memohon perintah certiorari ditolak. Kos kepada Peguam Negara].

Kes-kes yang dirujuk:

Ignatius Stephen Malanjum lwn. Election Judge Sabah & Anor. (Supreme Court Civil Appeal No. 03-42-89) ***(diikuti)***

Goonesinha lwn. Hon. C.L. De Kretser [1944] AC 62 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s. 14(1), 84
Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya 1954 s. 36
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980, A. 53
Perlembagaan Persekutuan, Fasal 48(1), 118

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; (Jagdeep Singh Deo bersamanya); T/n. Jagdeep Singh & Co. Bagi pihak Peguam Negara - Dato' Stanley Isaacs

PENGHAKIMAN

Mohd. Noor Ahmad H:

Permohonan secara *exparte* dibuat oleh pemohon bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon satu perintah *certiorari* bagi membatalkan keputusan Y.A. Dato' Ahmad Fairuz bin Sheikh

Abdul Halim, Hakim Pilihanraya yang diberi pada 2 Ogos 1995. Dalam permulaan prosiding ini En. Karpal Singh bagi pihak pemohon telah meminta Mahkamah ini mengemukakan satu soalan undang-undang yang dikatakan membabit satu peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan ke Mahkamah Persekutuan dibawah peruntukan s. 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Soalan yang dicadangkan ialah:

> Samada peruntukan Fasal 118 Perlembagaan Persekutuan tidak membenar *certiorari* dikeluarkan bagi membatal keputusan seseorang Hakim Pilihanraya.

Dato' Stanley Isaacs bagi pihak Peguam Negara membantah.

Secara ringkas, alasan-alasan yang dikemukakan oleh En. Karpal ialah:

(1) Keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Ignatius Stephen Malanjum lwn. Election Judge Sabah & Anor*. Mahkamah Agung Rayuan Sivil No. 03-42-89 yang telah memutuskan bahawa *certiorari* tidak boleh dikeluarkan untuk membatal keputusan seorang Hakim Pilihanraya adalah tidak mencukupi bagi menjawab secara muktamad soalan undang-undang yang dikemukakan itu, kerana:

(a) Keputusan itu telah lama dibuat ketika terdapat hanya sistem 2-tingkat iaitu, Mahkamah Tinggi dan Mahkaman Agung. Sekarang terdapat sistem 3-tingkat iaitu, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pendek kata, beliau mengatakan bahawa Mahkamah Agung dahulu adalah lebih rendah dari Mahkamah Persekutuan yang wujud sekarang ini.

(b) Penghakiman Mahkamah Agung itu dibuat secara lisan dan terlalu ringkas tanpa sebab-sebab yang tertentu dan mendalam diberi. Penghakiman bertulis yang mendalam tidak diberi oleh Mahkamah Agung.

(2) Oleh itu, beliau menekankan, demi kepentingan orang awam soalan undang-undang itu patut dirujuk ke Mahkamah Persekutuan. Mengikut beliau, pemohon bukanlah seorang sahaja yang terkilan atas keputusan Hakim Pilihanraya itu tetapi kebanyakan pengundi-pengundi di kawasan Bukit Bintang yang telah memilih pemohon sebagai Wakil Rakyat mereka bagi kawasan itu juga turut terkilan. Ini adalah kerana keputusan itu mengakibatkan Mahkamah telah melantik seorang Wakil Rakyat yang tidak dipilih oleh pengundi-pengundi berkenaan. Oleh sebab yang sedemikian, sekiranya keputusan seorang Hakim Pilihanraya tidak boleh dipersoalkan, keadaan huru-hara dan anarki akan timbul. Kata beliau lagi bahawa keputusan itu bercanggah dengan prinsip demokrasi berparlimen dan mempunyai unsur diktator yang tidak boleh dibiarkan timbul.

Selepas meneliti penghujahan kedua-dua pihak serta nas-nas yang dikemukakan, pendapat saya adalah seperti berikut:

(1) Memandangkan semata-mata kepada bentuk permohonan utama dalam prosiding ini, iaitu permohonan untuk kebenaran bagi permohonan *certiorari*, soalan itu tidak membabitkan sebarang isu Perlembagaan. Fasal 118 cuma memperuntukkan bahawa sesuatu keputusan pilihanraya boleh dipersoalkan hanya melalui petisyen pilihanraya yang perlu dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Fasal itu tidak memperuntukkan bahawa keputusan itu adalah muktamad. Ianya diperuntukkan dibawah s. 36 Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya 1954. Dan lagi, permohonan utama itu hanya membabitkan A. 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

(2) Keputusan Mahkamah Agung yang dikatakan tadi itu yang berlarutan daripada keputusan saya sendiri adalah secucuk dengan jenis permohonan utama dihadapan saya sekarang ini. Walaupun sistem mengenal peringkat itu sudah berubah, Mahkamah Agung itu adalah setaraf dengan Mahkamah Persekutuan yang ada sekarang ini kerana masing-masing merupakan Mahkamah tertinggi sekali dalam negara ini. Lagi pun, keputusan Mahkamah Agung itu adalah kukuh memandangkan yang terdapatnya lagi satu keputusan yang serupa dalam kes *Goonesinha lwn. Hon. C.L. De Kretser* [1944] AC 62 yang diasaskan atas peruntukan undang-undang di Ceylon yang hampir serupa dengan peruntukan undang-undang yang relevan di negara ini.

(3) Berlandaskan atas prinsip 'stare decisis' adalah jelas bahawa keputusan Mahkamah Agung itu mengikat saya.

Pada pendapat saya, permohonan sebegini sepatutnya dibuat dalam prosiding dihadapan Hakim Pilihanraya dahulu mengenai isu Fasal 48(1) Perlembagaan kerana perbicaraan itu walaupun adalah diadakan dihadapan Hakim Pilihanraya prosiding itu adalah dalam Mahkamah Tinggi.

Walaupun keputusan yang saya buat ini berakibat 'pintu remedi' pemohon tertutup, pada pendapat saya, dengan adanya 'checks and balances' dalam undang-undang kita sendiri dan dengan menggunakan anugerah semula jadi Allah kepada manusia, iaitu 'common sense' oleh semua pihak yang bertanggungjawab, kata-kata En. Karpal mengenai kemungkinan timbulnya keadaan huru-hara dan anarki dan keputusan itu mempunyai unsur diktator tidak boleh diterima (do not hold water). Tentang kata beliau yang keputusan itu bercanggah dengan prinsip demokrasi berparlimen dan hak merayu terhadap keputusan seorang Hakim Pilihanraya tidak diberi oleh undang-undang sekarang, lebih baik perkara ini dibiarkan sahaja kepada kebijaksanaan Parlimen (the wisdom of Parliament).

Memandangkan kepada peruntukan s. 14(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 sebutan responden 1 sebagai satu pihak dipotong dari prosiding ini.

Oleh yang demikian, saya membuat perintah-perintah seperti berikut:

(1) Permohonan untuk soalan undang-undang tersebut dirujuk ke Mahkamah Persekutuan ditolak,

(2) permohonan utama untuk kebenaran bagi momohon satu perintah *certiorari* itu ditolak, dengan kos kepada Peguam Negara.